



## CORAK KOMUNIKASI KELUARGA DALAM KALANGAN KELUARGA MELAYU DI TERENGGANU

(Patterns of Family Communication in Malay Families in Terengganu)

<sup>1</sup>CHE HASNIZA CHE NOH\*

<sup>2</sup>FATIMAH YUSOOFF

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

---

### ABSTRAK

*Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek komunikasi keluarga kerana kepentingannya terhadap keberkesanan hubungan kekeluargaan. Tumpuan diberikan kepada dua bentuk orientasi komunikasi iaitu orientasi perbualan dan orientasi konformiti. Orientasi perbualan merujuk kepada keterbukaan ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak di mana wujudnya hubungan dua hala di antara ibu bapa dan anak. Orientasi konformiti merujuk kepada bentuk komunikasi yang rigid di mana memberi penekanan kepada autoriti ibu bapa khususnya dalam membuat keputusan. Kedua-dua bentuk komunikasi tersebut adalah signifikan kepada hubungan keluarga. Kajian telah dijalankan ke atas keluarga Melayu di Terengganu yang melibatkan tiga individu iaitu ibu, bapa dan anak. Pemilihan sampel dijalankan dengan memilih pelajar di sekolah-sekolah bagi mewakili anak, dan seterusnya melibatkan ibu bapa pelajar yang terpilih. Seramai 435 pelajar (anak), 300 ibu dan 277 bapa terlibat dalam kajian ini. Pengumpulan data berdasarkan kepada soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden iaitu a) maklumat demografi, dan b) maklumat komunikasi keluarga. Alat kajian yang digunakan untuk mengukur pola komunikasi keluarga ialah Revised Family Communication Pattern yang dibina oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990). Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan responden mengamalkan kedua-dua bentuk orientasi komunikasi perbualan dan konformiti pada tahap sederhana. Kajian juga menunjukkan bahawa komunikasi dapat menjelaskan tahap perhubungan di antara ahli keluarga.*

**Kata Kunci:** komunikasi keluarga, orientasi konformiti, orientasi perbualan, keluarga Melayu

\*Corresponding Author: Che Hasniza Che Noh, Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. E-mail: niza@umt.edu.my  
Diserikan: 12 April 2011  
Diterima: 16 Julai 2011  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2011-0302-03>

## ABSTRACT

*This study focusses on the aspect family communication because of its importance to the effectiveness of family relationship. Two types of communication orientation are emphasised ie, verbal orientation and conformity orientation. Verbal orientation refers to the openness of parents in communicating with their children signifying the existence of two-way relationship between parents and their child. Conformity orientation refers to a rigid form of communication where authority of parents is emphasized especially in decision-making. The two forms of communications are significant to family relationship. This study was carried out among Malay families in Terengganu involving three individuals, mother, father and child. Samples were chosen from school-children to represent child, followed by parents of the child chosen. Altogether 435 school-children (child), 300 mothers and 277 fathers were involved in the study. Data were obtained through a self-administered questionnaire to obtain answers to a) demographic information, and b) information on family communication. The instrument used to measure patterns of family communication is Revised Family Communication Pattern by Ritchie and Fitzpatrick (1990). On the whole, results of the study showed that the respondents utilised both forms of communications at a moderate level. The study also showed that communication could explain level of relationship between family members.*

**Keywords:** family communication, conformity orientation, verbal orientation, Malay family

## PENGENALAN

Keluarga merupakan satu institusi sosial yang penting dalam masyarakat di mana keluarga yang sejahtera akan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Namun demikian, dengan kepesatan arus globalisasi cabaran terhadap keluarga semakin kritikal dan menuntut ibu bapa memainkan peranan yang paling efektif khususnya dalam hubungan dengan anak-anak agar kesejahteraan keluarga dapat dikekalkan seiring dengan perkembangan tersebut. Fenomena sosial yang berlaku hari ini menunjukkan bahawa masalah yang berlaku di kalangan remaja khususnya, berpunca daripada kegagalan institusi keluarga berfungsi dengan baik. Masalah ini amat membimbangkan kerana ia sudah pasti mendatangkan kesan negatif ke atas pertumbuhan psikologikal, fizikal, ekonomi dan pembangunan seseorang individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Justeru itu, menyedari akan kepentingan hubungan keluarga yang sejahtera, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan ke arah memantapkan perhubungan tersebut. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merangka pelbagai program untuk menangani permasalahan khususnya yang berkaitan keluarga. Begitu juga dengan pertubuhan bukan kerajaan yang turut berusaha untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hubungan keluarga. Seiring dengan matlamat utamakan keluarga yang sering diberikan penekanan oleh pihak kerajaan, satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji hubungan keluarga khususnya dari perspektif komunikasi keluarga. Kajian ini melihat komunikasi merupakan salah satu unsur yang sangat penting untuk menangani permasalahan yang wujud dalam keluarga ke arah membentuk keluarga yang sejahtera. Oleh kerana masalah keluarga masih lagi menjadi masalah yang serius dan perlu ditangani dengan berkesan, justeru kajian terhadap keluarga ini seharusnya tidak ada titik penamat.

Hubungan keluarga dari perspektif komunikasi dilihat berdasarkan kepada teori sistem keluarga di mana setiap ahli merupakan unsur dalam satu sistem yang saling berinteraksi di antara satu sama lain ke arah mengekalkan keseimbangan sistem. Justeru itu, setiap ahli adalah bergantung di antara satu sama lain dan juga saling mempengaruhi. Menurut Bigner (2002), konsep teori sistem keluarga digunakan dengan meluas untuk menerangkan kefungsiannya keluarga khususnya berkaitan hubungan di antara ibu bapa dan anak di mana ia menerangkan interaksi kompleks yang berlaku dalam keluarga dan juga faktor yang mempengaruhi proses keluarga membuat keputusan dan menetapkan pencapaian matlamat tertentu. Selain itu, teori sistem juga menerangkan bagaimana keluarga memberi respons terhadap sebarang perubahan, bukan sahaja dalam keluarga tetapi juga terhadap perubahan luaran yang memberi cabaran kepada kestabilan untuk berfungsi secara efektif.

Sehubungan itu, secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Mengetahui amalan komunikasi orientasi perbuahan dan orientasi konformiti di kalangan keluarga Melayu di Terengganu
- 2) Mengetahui jenis keluarga berdasarkan kepada kedua-dua orientasi komunikasi keluarga

## **KAJIAN LEPAS**

Pendekatan komunikasi sebagai asas untuk melihat perhubungan keluarga bermula pada tahun 1960-an dan terus berkembang sehingga kini. Bidang kajian komunikasi keluarga terbahagi kepada dua pendekatan utama iaitu pertama

yang memberi penekanan kepada hubungan perkahwinan dan kedua memberi penekanan kepada hubungan ibu bapa dan anak (Fitzpatrick & Ritchie 1994). Kajian ini memberi penekanan kepada pendekatan kedua iaitu hubungan ibu bapa dan anak kerana kesignifikannya berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik dan sarjana keluarga yang lepas di mana ia mempengaruhi banyak aspek berkaitan keluarga khususnya kepada perkembangan emosi, mental dan sosial anak-anak.

Komunikasi yang positif dan berkesan telah dikenal pasti sebagai asas kepada sesebuah keluarga untuk berfungsi dengan baik. Ini khususnya apabila anak-anak telah mula meningkat remaja di mana pada waktu tersebut mereka mula berusaha untuk membina identiti dan membuat keputusan. Sebagaimana kajian Barnes dan Olson (1985) menunjukkan apabila komunikasi di antara ibu bapa dan anak remaja berlangsung dengan baik, hubungan keluarga semakin rapat, wujud hubungan kasih sayang dan seterusnya memudahkan sebarang penyelesaian masalah. Menurutnya lagi, komunikasi adalah satu proses yang memudahkan pembinaan kohesi dan penyesuaian di kalangan keluarga.

Kajian-kajian lepas membuktikan kepentingan komunikasi dalam kehidupan manusia. Patton dan Giffin (1981) misalnya, menekankan kepentingan kualiti komunikasi interpersonal di dalam mempengaruhi perkembangan sendiri, kesihatan psikologi dan kejayaan mempengaruhi persekitaran. Menurutnya lagi, apabila individu dapat berinteraksi dengan berkesan, seseorang itu berusaha membentuk identitinya, meningkatkan penghargaan sendiri dan menghadapi realiti kehidupan. Komunikasi yang positif adalah satu faktor yang menggalakkan hubungan sosial yang lebih baik dan kemahiran daya tindak di kalangan remaja (Noller & Callan 1991).

Trees (1999) mendapati komunikasi bukan lisan yang ditunjukkan oleh ibu menyumbang kepada sokongan emosi kanak-kanak. Bronstein (1994) juga mendapati di kalangan keluarga di Mexico, pola interaksi di antara ibu bapa anak berkait dengan perkembangan sosial dan emosi anak-anak di mana ibu bapa yang mesra dan menyokong menyumbang kepada tingkah laku anak-anak yang ekspresif dan asertif manakala tingkah laku ibu bapa yang menghukum dan bersifat membatasi berkait dengan tingkah laku anak-anak yang pasif dan provokatif. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Sheran (1999) yang mendapati bahawa corak interaksi antara ibu dan anak akan mempengaruhi kecekapan sosial kanak-kanak tersebut. Selain itu juga, bagaimana ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak mereka memberi implikasi berpanjangan kepada perkembangan emosi anak-anak mereka (Hybels & Weaver 1998).

Di dalam pengurusan krisis keluarga, kualiti hubungan ibu bapa adalah faktor terpenting di mana Ullrich (1999) mendapati bahawa pola khusus komunikasi ibu bapa menentukan sama ada mudah atau sukar membuat penyesuaian terhadap perubahan yang berlaku dalam keluarga khususnya apabila anak pertama mula memasuki alam keremajaan. Barnes dan Olson (1985) mendapati bahawa keluarga yang mempunyai hubungan komunikasi yang baik di antara ibu bapa dan anak remaja akan memberi kepuasan kepada keseluruhan aspek kualiti hidup. Kajian oleh Jackson et al. (1998) di kalangan remaja menunjukkan komunikasi keluarga yang berkesan berkait dengan kepuasan terhadap keluarga dan kurangnya berlaku percanggahan di antara ibu bapa dan anak khususnya apabila anak mula meningkat remaja. Kajian mereka juga mendapati terdapat hubungan yang positif di antara komunikasi keluarga dengan penghargaan sendiri remaja, dan beberapa aspek kesejahteraan hidup di kalangan remaja. Menurut Noller dan Bagi (1985) komunikasi keluarga dalam tempoh anak sedang meningkat remaja menjadi aspek penting yang menyumbang kepada keseluruhan atmosfera keluarga. Pendapat yang sama juga oleh Fitzpatrick et al. (1996) yang menyatakan bahawa persekitaran komunikasi keluarga memberi kesan kepada anak pada peringkat pertengahan perkembangan mereka.

Dari segi pencapaian akademik, Ullrich dan Kreppner (1997) mendapati bahawa terdapat perkaitan di antara kualiti komunikasi keluarga dengan pencapaian akademik di kalangan remaja di mana beliau mendapati terdapat perbezaan di antara ibu bapa yang mempunyai anak yang mendapat gred yang lebih tinggi berbanding dengan anak-anak yang mendapat gred rendah. Mereka mendapati anak-anak yang mendapat gred lebih tinggi biasanya mempunyai ibu bapa yang mudah untuk berbincang dan berunding.

Terdapat juga perbezaan gender dalam komunikasi di mana Noller dan Bagi (1985) mendapati remaja lelaki dan perempuan cenderung untuk berkomunikasi lebih dengan ibu berbanding bapa kecuali topik berkaitan dengan politik. Pendedahan sendiri juga lebih banyak dilakukan terhadap ibu berbanding bapa, di mana anak remaja perempuan lebih kerap membuat pendedahan sendiri berbanding anak lelaki dan didapati juga ibu lebih tepat meramal respons daripada anak remaja berbanding dengan bapa.

Jika komunikasi yang berkesan telah dikenal pasti mendatangkan kesan positif terhadap keluarga, maka kajian juga menunjukkan komunikasi yang tidak berkesan akan mendatangkan kesan negatif terhadap keluarga. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Conger dan Peterson (1984) dalam kajian hubungan ibu bapa dan anak, didapati keluarga yang bermasalah menunjukkan terdapatnya gangguan komunikasi yang sering berlaku dan keadaan ini akan menyebabkan

remaja mengalami sakit mental atau mengalami kesukaran psikologi yang serius. Konflik antara remaja dan ibu bapa biasanya berkaitan dengan rutin harian, dan isu-isu seperti tugas-tugas rumah, kebersihan diri, kekemasan dan kerja-kerja sekolah. Remaja cenderung untuk membuat keputusan sendiri dan hanya bergantung kepada ibu bapa atau rakan dalam isu-isu tertentu (Noller & Fitzpatrick 1993). Jurang yang wujud di antara remaja dan ibu bapa adalah kerana mereka tidak kerap berkomunikasi di antara satu sama lain dan keadaan ini mendorong kepada wujudnya konflik dan hubungan yang renggang khususnya apabila ibu bapa kurang menilai pendapat yang diberikan oleh anak-anak (Noller & Callan 1991).

Keentingan komunikasi keluarga dalam kehidupan remaja juga ditunjukkan oleh Stewart (1992) dalam kajiannya yang mendapati bahawa adalah penting untuk meneroka hubungan komunikasi di antara ibu bapa dan anak remaja khususnya apabila ia melibatkan golongan remaja yang menghadapi simptom depresi. Beberapa kajian oleh penyelidik-penyelidik lepas menunjukkan terdapat perkaitan di antara komunikasi yang tidak berkesan di antara ibu bapa dan anak remaja dengan skizoprenia, tingkah laku agresif, pencapaian akademik yang rendah, masalah kebolehan sosial, kesukaran individu, tingkah laku bunuh diri, simptom depresif, dan rendah penghargaan sendiri (Reed & Dubow 1997). Dari aspek tingkah laku sosial, Terras (1999) yang menjalankan kajian ke atas segolongan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah mendapati bahawa golongan ini menghadapi masalah komunikasi dengan ibu bapa mereka. Hunsanker (1996) pula mendapati bahawa keluarga yang baik akan memberi impak yang besar ke arah mencegah remaja daripada penggunaan tembakau dan alkohol. Kajian perbandingan oleh Masselam (1989) berkaitan dengan komunikasi ibu bapa remaja dan kefungisian keluarga di dua buah sekolah yang dikategorikan kepada pelajar berjaya dan bermasalah dari segi emosi, salah laku, ponteng sekolah dan masalah disiplin menunjukkan pelajar yang berjaya adalah datang dari keluarga yang berkomunikasi secara positif dan lebih bersifat keterbukaan. Kajian Clark dan Shields (1997) juga menunjukkan bahawa komunikasi yang berkesan di antara ibu bapa dan anak remaja secara signifikannya berkait dengan kurangnya tingkah laku delinkuen di kalangan remaja.

Pola komunikasi keluarga yang tidak berkesan juga didapati memainkan peranan yang signifikan terhadap cubaan membunuh diri di kalangan remaja di mana Northcutt (1988) mendapati cubaan membunuh diri di kalangan remaja biasanya datang dari keluarga di mana remaja menggambarkan komunikasi dengan ibu bapa sebagai negatif dan sukar untuk berkongsi, pertukaran maklumat yang tidak bebas, ibu bapa yang suka mencela, dan kurang kepercayaan. Di kalangan

pesakit kanser kanak-kanak, Miller (1988) mendapati pesakit yang menyatakan komunikasi keluarga mereka seimbang dan lebih terbuka menunjukkan mereka lebih berupaya menghadapi penyakit kanser tersebut. Dapatan yang sama juga oleh Walsh-Burke (1990) yang mengkaji pola komunikasi keluarga di kalangan pesakit kanser, mendapati bahawa pesakit yang mempunyai keluarga yang lebih kerap berkomunikasi dan menggunakan pelbagai strategi daya tindak didapati kurang menghadapi kesukaran berhadapan dengan penyakit kanser.

Sebagai kesimpulan, kajian-kajian lepas membuktikan bahawa komunikasi keluarga yang positif memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan emosi, sosial, dan mental anak-anak. Persekitaran komunikasi yang positif juga akan membentuk remaja membina identiti yang mantap dan mampu berhadapan dengan cabaran semasa. Komunikasi juga dilihat bukan sahaja memberi kesan positif kepada keluarga yang 'sihat', namun ia juga memberi kesan yang positif terhadap emosi dan keupayaan pesakit khususnya anak-anak untuk berhadapan dengan penyakit yang sedang dihadapi. Sebaliknya pula kajian lalu menunjukkan bahawa keluarga yang tidak mengamalkan komunikasi yang berkesan dalam keluarga akan mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan anak-anak khususnya apabila mereka meningat remaja.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian dijalankan ke atas keluarga di mana ia melibatkan tiga individu iaitu ibu, bapa dan anak. Walaupun begitu, ada keluarga yang diwakili dua individu sahaja iaitu sama ada ibu dan anak atau bapa dan anak. Ini adalah kerana ada di kalangan anak-anak yang tidak tinggal bersama-sama kedua-dua ibu dan bapa sama ada disebabkan oleh kematian, atau perceraian. Kajian ini menggunakan kaedah survei di mana data diperolehi melalui soal selidik yang dijawab sendiri oleh para responden iaitu anak, ibu dan bapa. Ibu bapa yang terlibat di dalam kajian ini terdiri dari mereka yang mempunyai anak remaja khususnya yang berada di dalam tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Terengganu. Oleh yang demikian, untuk mengenal pasti ibu bapa, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan maklumat berkaitan anak mereka iaitu pelajar yang berada di tingkatan empat di sekolah menengah yang berkenaan.

Pelajar yang terpilih dikumpulkan di dalam satu kelas dan diberikan taklimat berkaitan kajian yang sedang dijalankan dan seterusnya dikehendaki mengisi borang soal selidik yang diedarkan. Setelah borang soal selidik dikembalikan, pelajar dibekalkan dengan dua sampul yang mengandungi dua set borang soal selidik khusus untuk ibu bapa mereka. Pelajar dikehendaki

memaklumkan kepada ibu bapa mereka berkenaan kajian tersebut sebagaimana yang diterangkan oleh pengkaji. Selain itu, maklumat berkaitan kajian juga disertakan di dalam setiap borang soal selidik untuk rujukan ibu bapa. Pelajar dikehendaki mengembalikan soal selidik bagi pihak ibu bapa mereka kepada pengkaji semula seminggu kemudian melalui wakil yang telah dilantik oleh pengkaji. Bagi tujuan penganalisan data, setiap set soal selidik mempunyai nombor siri yang sama bagi mewakili setiap keluarga.

Tiga set borang soal selidik telah dibentuk untuk kedua-dua ibu bapa dan anak bagi mewakili setiap satu keluarga. Setiap set soal selidik mengandungi soalan berkaitan latar belakang responden dan juga maklumat komunikasi keluarga. Dalam kajian ini, komunikasi keluarga adalah berdasarkan kepada instrumen *Revised Family Communication Pattern* (RFCP) oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990) yang dibahagikan kepada dua dimensi yang menerangkan struktur keluarga iaitu orientasi konformiti dan orientasi perbualan. Orientasi konformiti merujuk kepada komunikasi inter-keluarga di mana ia bertumpu kepada perhubungan dalaman berbanding topik luaran manakala orientasi perbualan fokus kepada perhubungan luar keluarga iaitu lebih kepada hubungan dengan dunia luar berbanding hubungan interpersonal dalam keluarga.

Instrumen ini mengandungi 25 item iaitu 15 item untuk orientasi perbualan dan 10 item untuk orientasi konformiti. Item-item untuk orientasi perbualan adalah berkaitan dengan keterbukaan ibu bapa dalam perbincangan berkaitan pelbagai isu dan menggalakkan anak-anak dalam sebarang perbincangan dan pembuatan keputusan. Manakala untuk orientasi konformiti item-item adalah berkaitan dengan keterbatasan anak-anak khususnya dari segi perbincangan keluarga dan juga memberi penekanan terhadap kepatuhan anak-anak terhadap ibu bapa. Skala pengukuran adalah dari 1 untuk tidak pernah hingga 5 untuk sangat kerap. Untuk anak, item dalam soal selidik komunikasi keluarga ditukar dari perkataan 'saya' kepada 'ibu bapa saya' untuk menerangkan persepsi mereka terhadap ibu bapa. Skor kedua-dua ibu bapa dan anak akan memberi respon kepada purata komunikasi tahap orientasi perbualan dan orientasi konformiti keluarga (Ritchie & Fitzpatrick 1990). Jumlah skor diperoleh dengan menjumlahkan semua skor daripada 15 item untuk orientasi perbualan dan 10 item untuk orientasi konformiti. Skor paling rendah untuk orientasi perbualan ialah 15 dan skor paling tinggi adalah 75. Jumlah skor yang kecil menunjukkan responden mempunyai orientasi perbualan yang rendah manakala skor yang tinggi menunjukkan orientasi perbualan yang tinggi. Untuk orientasi konformiti, skor yang paling rendah ialah 10 manakala skor paling tinggi ialah 50. Semakin tinggi skor yang diperoleh menunjukkan semakin tinggi komunikasi orientasi konformiti.



Purata skor yang diperoleh melalui kedua-dua ibu bapa dan anak daripada skor orientasi perbualan dan orientasi konformiti dapat menentukan jenis keluarga iaitu protektif, pluralistik, konsensual dan laissez faire (Ritchie & Fitzpatrick 1990). Keluarga protektif memberikan skor rendah untuk orientasi perbualan dan skor tinggi untuk orientasi konformiti manakala sebaliknya bagi keluarga pluralistik iaitu memberikan skor tinggi untuk orientasi perbualan dan skor rendah untuk orientasi konformiti. Bagi keluarga konsensual pula, kedua-dua skor orientasi perbualan dan orientasi konformiti adalah tinggi dan keluarga *laissez-faire* sebaliknya iaitu memberikan skor yang rendah untuk kedua-dua orientasi perbualan dan orientasi konformiti.

Untuk tujuan penganalisan data, perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 11.5 telah digunakan untuk analisis deskriptif yang bertujuan memerihalkan data yang diperoleh secara peratusan, mengira purata dan lain-lain pengiraan yang dapat menggambarkan taburan data yang diperoleh dengan lebih jelas.

## DAPATAN KAJIAN

### Latar belakang responden kajian

Kajian ini secara keseluruhannya melibatkan seramai 1,012 responden yang terdiri dari 435 pelajar yang mewakili anak, 300 ibu dan 277 bapa. Penglibatan ibu dan bapa tidak sampai 100% kerana ada di kalangan pelajar yang tidak memulangkan soal selidik bagi pihak ibu bapa sama ada kerana pelajar tidak tinggal bersama disebabkan perceraian, tinggal dengan saudara atau nenek, atau ibu atau bapa telah meninggal dunia.

Kajian ini dijalankan di sembilan buah sekolah iaitu seramai 208 (47.8%) pelajar di sekolah yang terletak di bandar manakala 227 (52.2%) terletak di luar bandar. Daripada jumlah tersebut, seramai 157 (36.1%) merupakan pelajar lelaki dan 278 (63.9%) adalah pelajar perempuan. Bilangan adik beradik di kalangan responden agak ramai iaitu di antara 4 hingga 6 orang iaitu sebanyak 56.7% di kawasan bandar dan 48.2% di kawasan luar bandar. Jika dilihat dari segi bilangan adik beradik melebihi 7 orang, kawasan luar bandar menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 41.6% berbanding kawasan bandar hanya 25.0%. Sebaliknya pula ditunjukkan dari segi bilangan adik beradik di antara 1 hingga 3 orang di mana kawasan bandar menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 18.3% berbanding luar bandar hanya 10.2%.

Maklumat berkaitan ibu dan bapa pula menunjukkan dari segi umur, sebanyak 58.7% ibu dan 58.5% bapa berusia di antara 41 hingga 50 tahun. Keadaan tersebut menggambarkan bahawa pada waktu usia sebegini kebanyakannya mempunyai anak-anak yang sedang bersekolah menengah. Hanya 1% sahaja ibu dan 0.7% bapa yang berusia kurang 30 tahun dan mereka ini berkemungkinan berkahwin pada usia belasan tahun dan responden yang terlibat (pelajar) merupakan anak pertama kepada pasangan tersebut. Secara umumnya, keluarga yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap sosioekonomi yang sederhana di mana majoriti adalah berpendidikan SPM ke bawah iaitu di kalangan ibu sebanyak 91.3% dan di kalangan bapa pula sebanyak 83.4%. Hampir 66% ibu tidak bekerja dan 64% di kalangan mereka menyatakan tiada pendapatan. Di kalangan bapa pula, sebanyak 52.3% berpendapatan bulanan kurang dari RM1,000 dan hampir 40% bekerja sendiri.

### **Komunikasi keluarga di kalangan ibu bapa dan anak**

Tahap komunikasi keluarga dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan kepada jumlah skor yang diberikan. Secara keseluruhannya, keputusan menunjukkan majoriti subjek mempunyai tahap komunikasi orientasi perbualan yang sederhana iaitu sebanyak 66.6% di kalangan ibu, bapa 70.7% dan seterusnya anak sebanyak 64.8%. Begitu juga dengan tahap komunikasi orientasi konformiti, majoriti responden berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 71.0% di kalangan ibu, bapa sebanyak 68.2% dan anak sebanyak 68.0%. Jika dilihat pada tahap rendah, anak memberikan skor yang lebih tinggi berbanding ibu dan bapa untuk kedua-dua orientasi komunikasi iaitu sebanyak 24.4% untuk orientasi perbualan dan 15.4% untuk orientasi konformiti. Manakala untuk skor tinggi pula, didapati ibu memberikan skor yang lebih tinggi untuk komunikasi orientasi perbualan iaitu sebanyak 26.7%, dan untuk komunikasi orientasi konformiti pula, didapati bapa memberikan skor yang lebih tinggi iaitu sebanyak 24.2%.

Keputusan tersebut juga selari dengan nilai min markah orientasi perbualan dan orientasi konformiti yang menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana untuk ketiga-tiga kategori responden. Didapati juga min ibu untuk orientasi perbualan paling tinggi iaitu 49.62, diikuti oleh min bapa 47.42, min anak perempuan 45.24, dan seterusnya min anak lelaki 39.41. Untuk orientasi konformiti didapati min paling tinggi ialah bapa iaitu 32.57, diikuti min ibu 32.15, min anak perempuan 31.15, dan seterusnya min anak lelaki 29.57.

Perbandingan pola komunikasi keluarga orientasi perbualan berdasarkan jantina anak menunjukkan min anak perempuan lebih tinggi (45.24) berbanding min anak lelaki (39.41). Perbezaan min komunikasi orientasi perbualan ini adalah signifikan,  $t(433) = 5.99$ ,  $p < .05$ . Berdasarkan dapatan ini, jantina anak didapati memainkan peranan yang signifikan dalam perbezaan pola komunikasi keluarga orientasi perbualan. Perbandingan pola komunikasi keluarga orientasi konformiti berdasarkan jantina anak juga menunjukkan min anak perempuan lebih tinggi (31.15) berbanding min anak lelaki (29.57). Perbezaan min komunikasi orientasi perbualan ini adalah signifikan,  $t(433) = 2.54$ ,  $p < .05$ . Berdasarkan dapatan ini, jantina anak memainkan peranan yang signifikan dalam perbezaan pola komunikasi keluarga orientasi konformiti. Di kalangan ibu bapa pula, didapati untuk komunikasi orientasi perbualan, min ibu lebih tinggi (49.62) berbanding min bapa (47.42). Perbezaan min komunikasi orientasi perbualan ini adalah signifikan,  $t(271) = 3.96$ ,  $p < .05$ . Berdasarkan dapatan ini, ibu atau bapa memainkan peranan yang signifikan dalam perbezaan pola komunikasi keluarga orientasi perbualan. Sementara itu, untuk komunikasi keluarga orientasi konformiti, didapati min bapa lebih tinggi (32.57) berbanding min ibu (32.15). Walau bagaimanapun, perbezaan min komunikasi orientasi konformiti ini adalah tidak signifikan,  $t(271) = 1.09$ ,  $p > .05$ . Berdasarkan dapatan ini, ibu atau bapa tidak memainkan peranan yang signifikan dalam perbezaan pola komunikasi keluarga orientasi konformiti.

Melalui purata skor yang diberikan oleh ibu, bapa dan anak terhadap komunikasi orientasi konformiti dan orientasi perbualan, jenis keluarga dapat dikenal pasti. Keluarga jenis konsensual adalah tertinggi iaitu sebanyak 43.6 peratus diikuti keluarga jenis protektif sebanyak 23.9 peratus, keluarga *laissez faire* sebanyak 17.7 peratus dan seterusnya keluarga pluralistik sebanyak 14.8 peratus.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan keluarga yang majoritinya mempunyai tahap sosioekonomi yang sederhana di mana ibu bapa mempunyai tahap pendidikan SPM ke bawah, berpendapatan kurang RM1000 sebulan di samping mempunyai anak-anak seramai 4 hingga 6 orang.

Komunikasi keluarga dalam kajian ini dikategorikan kepada dua orientasi iaitu orientasi perbualan dan orientasi konformiti. Berdasarkan kepada skor komunikasi keluarga yang dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi, secara keseluruhannya, majoriti responden kajian ini berada pada

tahap sederhana untuk kedua-dua kategori orientasi perbualan dan orientasi konformiti. Hasil kajian menunjukkan untuk tahap sederhana bagi komunikasi orientasi perbualan di kalangan ibu adalah sebanyak 66.6%, di kalangan bapa sebanyak 70.7% manakala di kalangan anak pula sebanyak 64.8%. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu dan bapa memberikan peratusan yang lebih tinggi berbanding anak terhadap keterbukaan berkomunikasi. Dapatan ini juga selari dengan kajian Howard (1988) yang mendapati bahawa ibu dan bapa memberi persepsi bahawa mereka lebih terbuka dan kurang masalah di dalam komunikasi keluarga, jika dibandingkan dengan persepsi oleh anak-anak remaja. Sementara itu, jika dibandingkan di antara anak perempuan dan anak lelaki, didapati anak perempuan memberikan skor yang lebih tinggi untuk komunikasi orientasi perbualan. Keadaan ini dijelaskan oleh Montemayor (1982) dalam Frydenberg (1997) bahawa anak perempuan lebih banyak berkomunikasi dengan ibu bapa mereka.

Komunikasi mampu menggambarkan apa yang berlaku dalam keluarga dan juga sejauhmana eratnya tahap perhubungan sesebuah keluarga. Keluarga yang mengamalkan komunikasi orientasi perbualan lebih bersikap terbuka dengan anak-anak dan lebih kerap berkomunikasi di antara satu sama lain. Bentuk komunikasi tersebut menunjukkan adanya perbincangan di antara ahli keluarga, keputusan dibincangkan bersama dengan mengambil kira pandangan dan pendapat ahli keluarga, anak-anak digalakkan meluahkan idea dan menyatakan emosi, dan menjadikan komunikasi sebagai rutin harian yang menyeronokkan serta dapat menguatkan ikatan kekeluargaan. Keluarga yang mengamalkan komunikasi orientasi konformiti pula lebih memberi penekanan kepada kepatuhan anak-anak terhadap ibu bapa. Anak-anak tidak digalakkan membantah percakapan ibu bapa, ada perkara tertentu yang tidak perlu diketahui anak-anak, dan ibu bapa membuat keputusan dalam keluarga, adalah antara ciri komunikasi tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua bentuk komunikasi tersebut mempunyai signifikannya tersendiri. Oleh itu, keluarga yang mengamalkan kedua-dua orientasi komunikasi konformiti dan perbualan adalah keluarga yang mempunyai hubungan yang berkesan.

Amalan komunikasi orientasi perbualan di kalangan responden kajian ini dapat menjelaskan bahawa keluarga yang mempunyai tahap sosioekonomi yang sederhana mengamalkan komunikasi orientasi perbualan yang sederhana. Sebagaimana kajian Narimah (1994) mendapati keluarga yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dan sumber pendapatan yang lebih baik biasanya menggunakan pola komunikasi keluarga orientasi perbualan lebih tinggi berbanding dengan ibu bapa yang berpendidikan dan berpendapatan rendah. Dapatan ini juga selari dengan Mcleod dan Chaffee (1972) yang mendapati

bahawa pola komunikasi keluarga ditentukan oleh kelas sosial ibu bapa seperti tahap pendidikan di mana semakin tinggi status sosioekonomi keluarga maka semakin tinggi orientasi perbualan dan semakin rendah status sosioekonomi keluarga maka semakin tinggi orientasi konformiti.

Ritchie (1991) menjelaskan keadaan ini adalah kerana semakin berpendidikan ibu bapa maka semakin berkurangan penegasan kuasa di mana ibu bapa lebih menggalakkan interaksi yang lebih terbuka dalam keluarga. Dari aspek perbezaan gender, jika dilihat kepada min komunikasi orientasi perbualan didapati min ibu lebih tinggi iaitu 49.62 berbanding min bapa 47.42 dan min anak 43.13. Dapatan ini selari dengan Barnes dan Olson (1985) yang menyatakan ibu menunjukkan komunikasi yang lebih baik dengan anak berbanding bapa. Noller dan Bagi (1985) mendapati hanya topik berkaitan politik sahaja yang dibincangkan bersama bapa. Didapati juga remaja perempuan dan lelaki lebih kerap berkomunikasi dengan ibu berbanding bapa kerana mereka melihat ibu lebih berminat untuk berkongsi masalah, bersikap lebih terbuka dan memahami serta lebih bertolak ansur (Hybels & Weaver 1998). Dapatan kajian ini merumuskan bahawa ibu bapa memberikan gambaran yang lebih baik terhadap komunikasi orientasi perbualan berbanding dengan anak-anak yang mungkin merasakan ibu bapa kurang bersikap terbuka terhadap mereka. Kajian ini juga menyokong kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas di mana didapati anak-anak lebih gemar berinteraksi dengan ibu berbanding bapa dalam kebanyakan perkara.

Untuk komunikasi orientasi konformiti, majoriti responden kajian ini juga berada pada tahap sederhana di mana untuk ibu, 71% berada pada tahap sederhana, di kalangan bapa pula sebanyak 68% dan di kalangan anak sebanyak 68% juga. Namun demikian, jika dilihat kepada min untuk ketiga-tiga subjek kajian didapati min bapa paling tinggi iaitu 32.57 berbanding min ibu 32.15, diikuti min anak perempuan 31.15, dan seterusnya min anak lelaki 29.57. Dapatan ini menunjukkan bapa lebih tegas dan mengharapkan anak-anak patuh kepada mereka. Sebagai ketua keluarga maka sewajarnya bapa memainkan peranan yang lebih tegas berbanding ibu. Sebagaimana menurut Frydenberg (1997), biasanya bapa lebih bersifat menghukum dan kurang bersikap terbuka untuk berbincang khususnya mengenai perasaan. Ritchie dan Fitzpatrick (1990) pula berpandangan bahawa bapa lebih cenderung untuk memberi respon yang lebih bersikap orientasi konformiti dan dalam masa yang sama kurang orientasi perbualan. Oleh yang demikian didapati anak remaja lebih bersikap defensif terhadap bapa mereka berbanding terhadap ibu mereka (Hybels & Weaver 1998). Keadaan ini juga dapat menerangkan bahawa di kalangan masyarakat Melayu, bapa sebagai ketua keluarga didapati lebih tegas berbanding ibu dan

perbincangan hanya dilakukan apabila melibatkan perkara-perkara penting sahaja seperti hal-hal berkaitan kewangan dan keperluan persekolahan.

Berdasarkan kepada skor yang diberikan oleh ibu, bapa dan anak terhadap komunikasi orientasi perbualan dan orientasi konformiti, didapati keluarga dalam kajian ini mengamalkan kedua-dua bentuk orientasi komunikasi. Melalui skor tersebut juga responden kajian ini dikategorikan kepada empat jenis keluarga iaitu konsensual, *laissez faire*, pluralistik dan protektif. Keluarga konsensual memberi penekanan kepada kedua-dua bentuk komunikasi orientasi perbualan dan orientasi konformiti di mana mereka menggalakkan anak-anak untuk melibatkan diri dalam keluarga dengan memberi idea-idea tanpa mengganggu hirarki kuasa dalam keluarga dan keharmonian dalaman (Noller & Fitzpatrick 1993). Bertentangan dengan keluarga konsensual, keluarga *laissez faire* menunjukkan bentuk komunikasi yang tidak konsisten dan sedikit komunikasi berlaku di antara ibu bapa dan anak. Keluarga pluralistik pula lebih bersikap terbuka dan menggalakkan anak-anak membincangkan sesuatu isu serta mencabar pendapat ibu bapa mereka. Sebaliknya berlaku dalam keluarga protektif di mana anak-anak dikehendaki patuh kepada ibu bapa dan mengelak daripada berlaku konflik secara terbuka.

Jika dilihat kepada dapatan kajian didapati 44% responden kajian ini dikategorikan kepada keluarga jenis konsensual iaitu memberi penekanan kepada kedua-dua bentuk komunikasi orientasi perbualan dan orientasi konformiti. Ini menunjukkan bahawa keluarga tersebut bersikap terbuka dan kerap berkomunikasi dalam keluarga dan dalam masa yang sama ada peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi agar tidak melanggar norma dan tatasusila agama dan budaya. Keadaan ini menggambarkan persekitaran komunikasi yang positif diamalkan dalam keluarga responden kajian ini namun peratusan ini agak rendah dan keadaan ini mungkin juga dipengaruhi oleh faktor latar belakang responden yang kebanyakannya berada dalam kategori sosioekonomi sederhana. Peratusan kedua tertinggi adalah untuk keluarga jenis protektif iaitu sebanyak 24% dan ia menggambarkan ciri responden kajian ini yang terdiri dari masyarakat Melayu yang mementingkan kepatuhan anak-anak terhadap ibu bapa dalam kebanyakan aspek kehidupan. Ada sesetengah ibu bapa yang agak tegas menyebabkan anak-anak mereka berbincang perkara-perkara tertentu sahaja dengan ibu bapa.

Sementara itu 18% daripada responden kajian ini termasuk dalam kategori *laissez faire* di mana ia menggambarkan keadaan keluarga yang kurang berkomunikasi di antara satu sama lain sama ada kerana ibu bapa tidak berminat untuk berkongsi masalah dengan anak-anak atau anak-anak merasakan mereka lebih selesa untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya berbanding dengan ibu

bapa sendiri. Peratusan terendah sekali ialah untuk kategori keluarga jenis pluralistik iaitu 15% di mana ia agak bertentangan dengan ciri kebanyakan masyarakat Melayu yang menekankan aspek kepatuhan dan kesopanan lebih-lebih lagi dalam hubungan di antara anak terhadap ibu bapa. Ini kerana keluarga pluralistik memberi kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak untuk memberikan pandangan dan membenarkan konflik secara terbuka termasuklah terhadap ibu bapa.

Secara keseluruhannya, kajian ini melihat kesignifikan komunikasi keluarga khususnya komunikasi orientasi perbualan dan orientasi konformiti dalam hubungan di antara ibu bapa dan anak. Komunikasi menjadi penghubung di antara ahli keluarga untuk menyelesaikan masalah, berbincang tentang pelbagai isu di samping mampu mengeratkan hubungan di antara ahli keluarga. Komunikasi yang berkesan dalam keluarga menggambarkan kemesraan yang terjalin dalam keluarga. Justeru itu, untuk meningkatkan keberkesanan hubungan keluarga, tumpuan harus diberikan kepada meningkatkan keberkesanan komunikasi keluarga. Setiap individu yang mahu menikmati kehidupan berkeluarga yang berkualiti mestilah mengadakan muhasabah dan 'post-mortem' di atas setiap masalah dan kesulitan yang dihadapi dalam keluarga. Oleh yang demikian, keluarga akan menjadi lebih efektif dan seterusnya dapat membina insan yang cemerlang ke arah pembentukan masyarakat gemilang dan terbilang.

## RUJUKAN

- Barnes, H. L. & Olson, D. H. 1985. Parent-adolescent communication and the circumplex model. *Child Development* 56: 438-447.
- Bigner, J. J. 2002. *Parent-Child Relations: An Introduction to Parenting*. Edisi ke-6. Upper Saddle River, New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Bronstein, P. 1994. Patterns of parent-child interaction in Mexican families: A cross cultural perspective. *International Journal of Behavioral Development* 17(3): 423-469.
- Clark, R. D. & Shields, G. 1997. Family communication and delinquency. *Adolescence* 32(125): 81-93.
- Conger, J. J. & Peterson, A. C. 1984. *Adolescence and Youth: Psychological Development in a Changing World*. New York: Harper & Row Publishers.

- Fitzpatrick, M. A., Marshall, L. J., Leutwiler, T. J. & Krcmar, M. 1996. The effect of family communication environments on children's social behavior during middle childhood. *Communication Research* 23(4): 379-406.
- Fitzpatrick, M. A. & Ritchie, D. L. 1994. Communication schemata within the family: Multiple perspective on family interaction. *Human Communication Research* 20(3): 275-302.
- Frydenberg, E. 1997. *Adolescent coping: Theoretical and Research Perspectives*. London: Routledge.
- Howard, M. B. R. 1988. Impact of communication patterns on perceived differences in attitude of adolescents and their parents toward contemporary issues. Disertasi PhD. University of Tennessee.
- Hunsanker, S. K. 1996. The relationships of parental marital status, quality of family interaction and gender to adolescent tobacco, alcohol and marijuana use. Master thesis. Utah State University.
- Hybels, S. & Weaver II, R. L. 1998. *Communicating Effectively*. New York: McGraw Hill.
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L. & Bosma, H. 1998. Adolescents' perceptions of communication with parents relative to specific aspects of relationships with parents and personal development. *Journal of Adolescence*, 21(3): 305-322.
- Masselam, V. S. 1989. Parent adolescent communication, family functioning, and school performance. Disertasi PhD. University of Maryland.
- McLeod, J. M. & Chaffee S. H. 1972. The construction of social reality. Dlm J. Tedeschi. (Ed.), *The Social Influence Process*, hlm. 50-59. Chicago: Aldine Etherton.
- Miller, B. D. 1988. The role of family communication patterns in a child's adjustment to cancer. Disertasi PhD. California School of Professional Psychology, Los Angeles.
- Narimah Ismail. 1994. Correlates of concept-oriented and socio-oriented family communication in two Malay communities: A comparative study. Disertasi PhD. Universiti Putra Malaysia, Selangor.



- Noller, P. & Callan, V. J. 1991. *The Adolescent in the Family*. New York: Routledge.
- Noller, P. & Fitzpatrick, M. A. 1993. *Communication in Family Relationships*. New Jersey: Prentice Hall.
- Noller, P. & Bagi, S. 1985. Parent-adolescence communication. *Journal of Adolescence* 8(2): 125-144.
- Northcutt, C. O. 1988. Interaction patterns in families with suicidal and nonsuicidal adolescents. Disertasi PhD. California School of Professional Psychology, Berkeley/Alameda.
- Patton, B. R. & Giffin, K. 1981. *Interpersonal Communication in Action: Basic Text and Readings*. New York: Harper & Row Publishers.
- Reed, J. S. & Dubow, E. F. 1997. Cognitive and behavioral predictors of communication in clinic-referred and nonclinical mother-adolescent dyads. *Journal of Marriage and the Family* 59: 91-102.
- Ritchie, L. D. 1991. Family communication patterns: An epistemic analysis and conceptual reinterpretation. *Communication Research* 18(4): 548-565.
- Ritchie, L. D., & Fitzpatrick, M. A. 1990. Family communication patterns measuring intrapersonal perceptions of interpersonal relationship. *Communication Research* 17(4): 523-545.
- Sheran, C. P. 1999. Caregiver-child social communication: Effects of mother-child interactions on child development in the home. Disertasi PhD. University of Minnesota.
- Stewart, E. R. 1992. Family communication and interaction as mediators of depression in rural youth. Disertasi PhD. The Ohio State University.
- Terras, A. 1999. Open communication and problem communication between African-American sons and mothers: The relationship to adolescent substance use. Disertasi PhD. Temple University.
- Trees, A. R. 1999. Nonverbal communication and the support process: Sensitivity and support seeking in interactions between mothers and young adult children. Disertasi PhD. University of Washington.

Ullrich, M. 1999. Carrying the family through adolescence: The significance of parent-parent communication. Kertas Kerja Biennial Meeting of the Society Research in Child Development. Anjuran Society for Research and Child Development. Albuquerque, NM, 15-18 Apr.

Ullrich, M. & Kreppner, K. 1997. The quality of family communication and academic achievement in early adolescence. Kertas Kerja Biennial Meeting of the Society for Research in Child Development. Anjuran Society for Research and Child Development. Washington, DC, 3-6 Apr.

Walsh-Burke, K. E. 1990. Family communication and coping with cancer. Disertasi PhD. Boston College.